

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
(KETEREH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.11.2014

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi MAS bagi mengukuhkan fungsi jaminan, integriti dan keselamatan penumpang dan anak kapal bagi memulihkan kembali imej syarikat penerbangan pertama negara itu setelah dilaporkan mencatatkan kerugian mencecah RM307.4 juta pada suku kedua 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah mengumumkan Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS) dan kini telah memasuki peringkat kedua pelaksanaannya. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja. Bagi tujuan pengukuhan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan, MAS akan memperkukuhkan sistem operasi dan kawalan utama sedia ada melalui pembentukan Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Etika. Selain itu, penggunaan *International Air Transport Association (IATA) Operational Safety Audit (IOSA)* juga akan dipertingkatkan secara sukarela.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek. Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS,

Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon penerbangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 12/11/2014 (RABU)

SOALAN : 28

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia dan jumlah penjawat awam yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan pesawat-pesawat MAS iaitu MH370 dan MH17. Nyatakan kos-kos yang turut ditanggung atau dibiayai oleh negara-negara yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan telah menanggung sebanyak **RM33,461,861.50** bagi menampung kos operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 dan MH17. Dianggarkan seramai 3732 orang penjawat awam terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan pesawat-pesawat MAS iaitu MH370 dan MH17. Sehingga kini, kos operasi *Search and Recovery* telah ditanggung sendiri oleh negara-negara yang terlibat.